

UTHM terima peruntukan penyelidikan

BATU PAHAT

Kegemilangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) sememangnya diiktiraf oleh pelbagai pihak dan terbaru oleh Universitas Yarsi Indonesia apabila menyalurkan dana penyelidikan sebanyak AS\$20,000 kepada UTHM.

Dana berkenaan bagi meningkatkan kerjasama antara kedua universiti itu terutamanya dalam penyelidikan sains dan teknologi herba.

Naib Canselor UTHM, Prof Dr Wahid Razzaly berkata, sumbangan tersebut bagi menggalakkan dan mempromosikan penyelidikan sains serta teknologi herba dalam kalangan warga universiti.

“Universitas Yarsi ini merupakan universiti Islam swasta yang terletak di Cempaka Putih, Jakarta ditubuhkan oleh Yayasan Rumah Sakit Islam Indonesia (Yarsi) pada 15 April 1967. Ia mempunyai lima fakulti iaitu Kedokteran, Teknologi Informasi, Ekonomi, Hukum dan Psikologi dan sekolah Pascasarjana.

“Namun yang paling penting sekali mereka mempunyai *Herbal Research Centre* yang menjalankan penyelidikan



Wahid (dua, kiri) menerima replika cek daripada Susi (dua, kanan) sebagai simbolik penerimaan dana berkenaan.

berkaitan sains, teknologi dan perubahan herba, yang penting buat kami melakukan kerjasama ini,” katanya pada Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (MoA) antara kedua-dua universiti itu di UTHM Cawangan Pagoh, semalam.

UTHM diwakili Wahid manakala Universitas Yarsi diwakili Rektornya, Prof Dr Susi Endrini serta disaksikan Pendaftar UTHM, Abdul Halim Abdul Rahman dan Dekan Fakultas Teknik Informatika Universitas Yarsi, Dr Ummi Azizah Rachmawati.

Bagi menyambut komitmen universiti itu, UTHM turut mengeluarkan dana padanan untuk aktiviti berkaitan perjanjian itu.